

**PEMBANGUNAN TANDEM AKADEMIK MAYA  
BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN  
KOMUNIKASI DAN KECEKAPAN  
SOSIOBUDAYA MURID SEKOLAH TAMIL  
RANTAU DALAM PEMBELAJARAN BAHASA**

**R. SHANMUGANATHAN A/L RAMASAMY**

**ASIA e UNIVERSITY  
2025**

PEMBANGUNAN TANDEM AKADEMIK MAYA BAGI  
MENINGKATKAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN KECEKAPAN  
SOSIOBUDAYA MURID SEKOLAH TAMIL RANTAU DALAM  
PEMBELAJARAN BAHASA

R. SHANMUGANATHAN A/L RAMASAMY

Tesis yang dikemukakan kepada Asia e University sebagai Memenuhi  
Keperluan  
Ijazah Doktor Falsafah Dalam Bidang Pendidikan

July 2025

## ABSTRACT

This study investigates the effectiveness of Virtual Academic Tandem (VAT) in enhancing communication skills and sociocultural competence among SJKTR Tamil pupils in learning the Malay language. This qualitative research aims to examine the impact of VAT on improving language skills and cultural understanding in the context of learning Malay as a second language. The study involves middle-level pupils (TP3) who participate in the VAT language program. Data is collected through observations, in-depth interviews, and field notes to assess participants' development of communication skills and sociocultural competence before and after the program. This study applies the Communicative Competence Model by Celce-Murcia, Dornyei, and Thurrell (1995) as the theoretical framework. The findings indicate that VAT effectively enhances students' communication skills through authentic interaction in a virtual learning environment. Engagement in the exchange of linguistic and sociocultural information through the VAT platform has contributed to significant improvement in Malay language proficiency. The study also reveals the crucial role of sociocultural interaction in empowering language acquisition and cross-cultural understanding. The results show that the VAT approach through the Skype platform not only improves linguistic competence but also fosters awareness and appreciation of cultural diversity in the context of language learning. This study contributes to a deeper understanding of the potential of tandem-based language learning in the Malaysian educational context, particularly in enhancing Malay language proficiency among Tamil pupils. The findings significantly impact curriculum development and language teaching strategies that integrate sociocultural elements in second language learning.

**Keywords:** Virtual Academic Tandem, Skype, second language learning, communication skills, sociocultural competence, Malay language, Tamil pupils

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti keberkesanan Tandem Akademik Maya (TAM) dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dan kecekapan sosiobudaya dalam kalangan murid Tamil SJKTR dalam pembelajaran bahasa Melayu. Penyelidikan kualitatif ini bertujuan untuk mengkaji impak TAM terhadap peningkatan kemahiran berbahasa dan pemahaman budaya dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini melibatkan murid-murid Tamil yang mencapai TP3 (peringkat pertengahan) dalam pentaksiran bilik darjah. Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual mendalam, dan nota lapangan untuk menilai perkembangan kemahiran komunikasi dan kecekapan sosiobudaya peserta sebelum dan selepas program intervensi TAM. Kajian ini mengaplikasikan Model Kecekapan Komunikatif Celce-Murcia, Dornyei dan Thurrell (1995) sebagai kerangka teoretikal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa TAM berkesan dalam meningkatkan kemahiran komunikasi murid melalui interaksi autentik dalam persekitaran pembelajaran maya Skype. Penglibatan dalam pertukaran maklumat tentang bahasa dan sosiobudaya melalui platform TAM telah menyumbang kepada peningkatan ketara dalam penguasaan bahasa Melayu. Kajian ini juga mendedahkan peranan penting interaksi sosiobudaya dalam memperkasa pemerolehan bahasa dan pemahaman silang budaya. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pendekatan TAM melalui platform Skype bukan sahaja meningkatkan kecekapan linguistik, tetapi juga memupuk kesedaran dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dalam konteks pembelajaran bahasa. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang potensi pembelajaran bahasa berasaskan tandem dalam konteks pendidikan Malaysia, khususnya dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Tamil SJKTR. Dapatan kajian ini turut memberi implikasi penting terhadap pembangunan kurikulum dan strategi pengajaran bahasa yang mengintegrasikan elemen sosiobudaya dalam pembelajaran bahasa kedua.

**Kata Kunci:** Tandem Akademik Maya, Skype, pembelajaran bahasa kedua, kemahiran komunikasi, kecekapan sosiobudaya, Bahasa Melayu, murid Tamil

## HALAMAN PENGESAHAN

This is to certify that this thesis conforms to acceptable standards of scholarly presentation and is fully adequate, in quality and scope, for the fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy.

The student has been supervised by: **Professor Dr Zaitul Azma Zainon Hamzah**

The thesis has been examined and endorsed by:

**Professor Dr Vijayaletchumy A/P Subramaniam,**

Universiti Putra Malaysia

Examiner 1

**Associate Professor Dr Fatimah binti Subet,**

Universiti Malaysia Sarawak

Examiner 2

This thesis was submitted to Asia e University and is accepted as fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy.



**Professor Ts Dr Zulkarnain Kedah**

Asia e University

Chairperson, Examination Committee

(10 July 2025)

## **PENGAKUAN**

Saya akui bahawa karya yang dikemukakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah ini adalah hasil kerja saya sendiri dan semua kandungan daripada mana-mana individu atau sumber telah dirujuk secara wajar. Saya akui bahawa karya ini belum pernah dikemukakan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, untuk sebarang ijazah di universiti ini atau universiti lain. Saya memahami bahawa sebarang pelanggaran terhadap perakuan ini adalah dianggap sebagai salah laku akademik yang boleh mengakibatkan penggantungan atau penarikan semula penganugerahan ijazah terhadap saya.

**Nama: R.Shanmuganathan A/L Ramasamy**



**Tandatangan Pelajar:**

**Tarikh: 10 July 2025**



## PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah, atas bimbingan beliau yang tidak ternilai, sokongan yang tidak berbelah bahagi, dan maklum balas yang bernas sepanjang perjalanan penyelidikan saya. Kepakaran dan bimbingan beliau telah memainkan peranan penting dalam membentuk tesis ini dan perkembangan saya sebagai penyelidik.

Kepada pendamping hidupku tercinta, Puan Kalpana Perumal, engkau ialah sayap yang membiarkanku terbang tinggi, engkau ialah akar yang memeganku teguh ketika badai menerjang. Setiap detik pengorbananmu terukir dalam setiap halaman tesis ini – air mata yang kau sembunyikan, senyum yang kau pelihara, dan harapan yang kau genggam erat. Engkau bukan sekadar pendamping, tetapi penyambung nyawaku dalam setiap pergumulan akademik. Tanpamu, impian ini hanyalah sekadar mimpi yang hampa.

Terima kasihku tidak cukup diungkapkan dengan kata-kata. Anda berdua telah menjadikan perjalanan sukar ini sebuah kidung keajaiban – sebuah testimoni cinta, kepercayaan, dan pengorbanan yang tak ternilai. Dengan segenap kerendahan hati dan ketulusan mendalam,

Pengkaji yang bersyukur.

## KANDUNGAN

<b>ABSTRACT</b>	<b>ii</b>	
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>	
<b>HALAMAN PENGESAHAN</b>	<b>iv</b>	
<b>PERAKUAN</b>	<b>v</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>	
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>	
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>	
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>	
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xii</b>	
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
1.0	Latar Belakang Kajian	1
1.1	Tandem Akademik Maya Dalam Pembelajaran Bahasa	6
1.2	Pernyataan Masalah	13
1.3	Objektif Kajian	19
1.4	Persoalan Kajian	19
1.5	Hipotesis Kajian	20
1.6	Skop Kajian	21
1.7	Justifikasi Dan Kepentingan Kajian	24
1.8	Kepentingan Sosiobudaya Dalam Kajian TAM Bahasa	30
1.9	Dasar Dan Sokongan Pendidikan	32
1.10	Motivasi Dan Penglibatan	32
1.11	TAM Bahasa Sebagai Alat Pembelajaran Yang Tulen Atau Autentik	33
1.12	Kepentingan Pembelajaran Tandem Akademik Maya Bahasa	36
1.13	Praktikal Kajian TAM Bahasa	37
1.14	Definisi Operasional	44
1.15	Rumusan Bab	47
<b>BAB 2</b>	<b>Kajian Literatur</b>	<b>51</b>
2.0	Kerangka Teoritikal	51
2.1	Asas Teoritikal	57
2.2	Sorotan Kajian	71
2.3	Prinsip Timbal Balik dan Pembelajaran Seiring TAM Bahasa	74
2.4	Sorotan Kajian Mengenai Penggunaan TAM Sebagai Bahan Pengajaran dan Pembelajaran	79
2.5	Sorotan Kajian TAM dalam Pembelajaran Bahasa Kedua	86
2.6	Sorotan Kajian mengenai Kecekapan Sosiobudaya Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Di Malaysia	91
2.7	Sorotan Kajian tentang TAM Bahasa dan Pembelajaran Kendiri	94
2.8	Sorotan Kajian tentang Kemahiran Komunikasi Murid dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	100
2.9	Sorotan Kajian mengenai Kecekapan Sosiobudaya dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Tamil Di Malaysia	108
2.10	Jurang Penyelidikan	113
		viii

2.11	Rumusan Bab	116
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>118</b>
3.0	Pengenalan	118
3.1	Reka Bentuk Kajian	119
3.2	Kaedah Kajian	119
3.3	Populasi Kajian dan Persampelan	130
3.4	Pengumpulan Data	131
3.5	Kajian Rintis dan Kepentingannya dalam Kajian TAM Bahasa	136
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	146
3.7	Penganalisan Data	153
3.8	Kebolehpercayaan Pengukuran	156
3.9	Pengiraan dan Dokumentasi Nilai Cohen's Kappa	163
3.10	Model Kemahiran Berkomunikasi Celce-Murcia	167
3.11	Rumusan Bab	172
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>174</b>
4.0	Pengenalan	174
4.1	Dapatan Objektif Pertama: Keberkesanan TAM Melalui Skype	175
4.2	Dapatan Objektif Kedua: Penguasaan Kemahiran Komunikasi dan Kecekapan Sosiobudaya	176
4.3	Dapatan Objektif Ketiga: Kemahiran Komunikasi Melalui Pertukaran Maklumat	178
4.4	Dapatan Objektif Keempat: Peranan Interaksi Sosiobudaya	181
4.5	Perbincangan Penemuan Mengikut Objektif dan Persoalan Kajian	187
4.6	Pendekatan dan Elemen-Elemen yang telah Dilaksanakan	207
4.7	Pasca Ujian -Temu Bual Kedua	210
4.8	Profil Demografi Sampel	212
4.9	Analisis Kemahiran Komunikasi	252
4.10	Analisis Kecekapan Sosiobudaya	253
4.11	Cabaran Perbezaan Bahasa: Bahasa Melayu - Bahasa Tamil	263
4.12	Dapatan Kajian dari Aspek Kecekapan Sosiobudaya Murid Tamil	268
4.13	Dapatan Kajian Dari Aspek Interaksi Dalam Platform Maya Murid Tamil	279
4.14	Aspek Maklum Balas Pihak Berkepentingan	281
4.15	Aspek Analisis Data Kualitatif	288
4.16	Kebolehpercayaan Pengukuran	295
4.17	Keputusan Atlas.Ti Dalam Kajian Tam	300
4.18	Analisis Deskriptif	302
4.19	Rumusan Bab	304
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>315</b>
5.0	Pengenalan	315
5.1	Rumusan Analisis Menyeluruh	319
5.2	Cabaran dan Penyelesaian	323
5.3	Implikasi dan Cadangan Kajian	328
5.4	Limitasi / Pembatasan Kajian	336
5.5	Rumusan Dapatan Kajian	341
5.6	Cadangan Penyelidikan Masa Depan	330
5.7	Penutup	334

<b>RUJUKAN</b>	<b>338</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>348</b>
Lampiran A: Surat Kebenaran Kajian KPM	348
Lampiran B: Nota Lapangan	349
Lampiran C: Borang Pengukuran Kebolehpercayaan Cohen's Kappa	370
Lampiran D: Soalan dan Jawapan Temu Bual Sosiobudaya dan Kecekapan Komunikasi	372
Lampiran E: Analisis ATLAS.ti 8	375

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual / Carta / Peta</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1 Perbezaan di antara TAM Bahasa dan Pembelajaran Kendiri	92
Jadual 4.2 Kekeapan Sampel Kajian Berkomunikasi Secara Aktif Sepanjang Sesi TAM Melalui Skype Platform Maya	215
Peta 4.1 Taburan Sampel Kajian	212
Carta 3.1 Ringkasan Prosedur TAM Bahasa	122
Carta 3.2 Enam Fasa Utama Analisis Tematik Braun & Clarke	127
Carta 3.3 Proses Analisis Tematik	155
Carta 4.5 Demografi Jantina Sampel Kajian	213
Carta 4.6 Taburan Pendapatan Ibu Bapa mengikut Tahap Pendidikan	214
Carta 4.7 Alur Model Analisis Data Kualitatif menurut Miles dan Huberman	270
Carta 4.8 Kekeapan Sampel Kajian Berkomunikasi secara Aktif Sepanjang Sesi melalui Platform Maya Skype	308

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Kerangka Teoretikal TAM	52
Rajah 2.2	Asas Teori Utama Sosiobudaya Vygotsky	53
Rajah 2.3	Model Kecekapan Komunikatif Antara Budaya oleh Byram	66
Rajah 2.4	Lima Dimensi Timbal Balik	77
Rajah 2.5	Prinsip-Prinsip Pembelajaran Kendiri	95
Rajah 3.6	Skematik Kecekapan Komunikatif Model Kemahiran Celce-Murcia	167
Rajah 4.7	Analisis Temu Bual	211
Rajah 4.8	Ujian Kelajuan Internet di SJKTR	261
Rajah 4.9	Pola Pembelajaran dan Hubungan Tema dalam Tandem Akademik Maya	298
Rajah 4.10	Faktor Kejayaan Tandem Akademik Maya Bahasa	299

## SENARAI SINGKATAN

AeU	Asia e University
B2	Bahasa Kedua
BM	Bahasa Melayu
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PK	Pembelajaran Kendiri
SJKTR	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Rantau
SKS	Sekolah Kebangsaan Seliau
TAM	Tandem Akademik Maya Bahasa
UASA	Ujian Akhir Sesi Akademik

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Latar Belakang Kajian**

Bahasa Melayu merupakan nadi kehidupan sosial dan budaya serta menjadi wahana interaksi antara kaum apabila digunakan antara penutur Melayu dengan yang bukan Melayu. Bahasa Melayu juga merupakan warisan sejarah yang membawa kisah peradaban, identiti, dan semangat kesatuan nasional. Dalam masyarakat majmuk Malaysia, bahasa Melayu berperanan sebagai jambatan penting yang menghubungkan pelbagai etnik, mewujudkan keharmonian dan perpaduan yang unik (Chelliah & Othman, 2022).

Sejarah mencatat bahawa bahasa Melayu telah melalui perjalanan yang mencabar sejak zaman kerajaan Melaka hingga Malaysia moden. Peredaran ini telah menjadi saksi dan pengukir sejarah, merakamkan transformasi sosial dan budaya melalui pelbagai medium seperti pantun, syair, dan hikayat. Setiap kata dan ungkapan membawa beban makna yang mendalam, mencerminkan ketinggian pemikiran dan kehalusan budaya Melayu yang kaya dengan nilai-nilai murni (Hasmidar 2023).

Dalam konteks kebangsaan, bahasa Melayu bertindak sebagai bahasa diplomatik yang memungkinkan interaksi bermakna antara pelbagai komuniti. Hal ini membuka ruang dialog untuk perbezaan etnik, agama, dan latar belakang budaya dapat bertemu, bertukar-tukar pemahaman, dan membina ikatan nasional yang kukuh. Profesor Syed Hussein Alatas pernah menegaskan bahawa bahasa adalah cermin pemikiran sesebuah masyarakat, dan dalam konteks Malaysia, bahasa Melayu adalah cermin yang memantulkan keindahan kepelbagaian (Chelliah & Othman 2022).

Cabaran globalisasi menuntut pendekatan yang lebih strategik dalam memartabatkan bahasa Melayu. Justeru, pengintegrasian teknologi dalam pendidikan

adalah satu aspek penting dalam pembangunan pendidikan pada masa kini. Terutama dalam penghasilan kandungan digital berkualiti, dan usaha berterusan untuk memastikan bahasa terus relevan (Lewis & Qian, 2021). Ini bukan sekadar soal pemuliharaan, sebaliknya transformasi aktif yang membolehkan bahasa Melayu berkembang dan menyesuaikan diri dengan lanskap komunikasi global (Lewis & Qian, 2021).

Usaha memartabatkan bahasa Melayu memerlukan pendekatan pelbagai dimensi. Sistem pendidikan memainkan peranan kritikal dalam membina generasi yang bangga dan mahir berbahasa Melayu. Media dan teknologi berpotensi menjadi platform utama untuk mempromosikan dan mengembangkan bahasa. Pengayaan budaya melalui sastera, seni, dan program kebudayaan dapat menyemarakkan penggunaan dan penghargaan terhadap bahasa (Lewis & Qian, 2021).

Menurut Lewis & Qian (2021) tanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu tidak terletak pada institusi sahaja, sebaliknya pada setiap warganegara dan memerlukan komitmen berterusan untuk memelihara, mengembangkan, dan mengangkat martabat bahasa kebangsaan. Setiap perbualan, tulisan, dan ekspresi budaya adalah peluang untuk memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai wahana pemersatu dan penggerak transformasi sosial.

Seterusnya, Chelliah dan Othman (2022), menjelaskan bahawa memartabatkan bahasa Melayu adalah usaha yang merangkumi aspek sejarah, budaya, pendidikan, dan identiti nasional. Bahasa Melayu bukan sekadar memelihara warisan, tetapi membina masa depan Malaysia yang lebih bersatu, dinamik, dan bermartabat. Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi tetapi adalah jiwa dan nyawa perjalanan bangsa Malaysia.

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sahaja membantu menyatukan rakyat Malaysia, tetapi juga berfungsi sebagai landasan perpaduan. Menurut Chelliah dan Othman (2022) masih terdapat masalah antara pelbagai kaum untuk bergaul di sekolah, universiti dan tempat kerja. Terdapat golongan yang menganggap bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran tambahan di sekolah, yang bermakna bahasa Melayu tidak memenuhi peranan pentingnya sebagai bahasa kebangsaan (Chelliah & Othman, 2022). Bertitik tolak daripada permasalahan ini, kajian ini dijalankan dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan, intelek dan komuniti sehati sejiwa. Di samping itu, menjadi harapan pengkaji untuk mewujudkan murid-murid Tamil yang mahir dalam bahasa Melayu.

Menurut Bukhari et al., (2022), walaupun terdapat pelbagai cara untuk manusia berinteraksi dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat, namun menguasai lebih daripada satu bahasa adalah penting untuk memupuk kemajuan dalam kalangan penduduk Malaysia yang berbilang kaum dan budaya.

Di Malaysia, sebagai negara yang berbilang kaum, penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah menjadi satu keperluan yang tidak dapat dinafikan. Bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai alat perhubungan tetapi juga sebagai lambang perpaduan dan bahasa jiwa bangsa.

Namun begitu, bagi murid-murid Tamil SJKTR yang terletak di kawasan luar bandar, pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu sering kali menjadi cabaran yang amat besar. Cabaran penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tamil bukan sahaja melibatkan aspek linguistik, tetapi juga merangkumi aspek komunikasi dengan masyarakat yang pelbagai khususnya dalam konteks sosiobudaya yang berbeza. Situasi ini boleh menyebabkan wujudnya jurang yang ketara dalam penguasaan bahasa dan pencapaian akademik serta integrasi sosial.

Bagi menangani isu ini, pengkaji mencadangkan pembangunan Tandem Akademik Maya yang seterusnya dikenali sebagai TAM bahasa. TAM bahasa adalah satu pendekatan inovatif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Konsep TAM bahasa ini menggabungkan elemen pembelajaran bahasa dengan interaksi sosial dalam persekitaran digital, bertujuan untuk meningkatkan bukan sahaja kemahiran bahasa, tetapi juga kemahiran komunikasi dan kecekapan sosiobudaya murid-murid sekolah Tamil di kawasan Rantau, Negeri Sembilan.

Kaedah TAM bahasa atau juga dikenali sebagai kaedah timpal balik ini merupakan satu pendekatan inovatif dalam dunia pendidikan bahasa kedua untuk dua murid dari latar belakang bahasa ibunda yang berbeza dapat saling bekerjasama untuk mempelajari bahasa masing-masing (Hasmidar 2023). TAM bahasa ini telah menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan dalam pelbagai konteks budaya dan pendidikan. Kaedah ini mula diperkenalkan di Jerman pada awal 1960-an, kini telah dilaksanakan di banyak negara dan menghasilkan keputusan yang konsisten dalam penguasaan dan pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar universiti, (Lewis & Qian, 2021)

Di negara-negara Eropah, terutamanya Sepanyol dan Jerman, pembelajaran TAM telah dilaksanakan secara mendalam dalam program-program bahasa universiti. Kajian yang dijalankan di Universiti Madrid telah menunjukkan bahawa pelajar yang mengambil bahagian dalam program TAM menunjukkan tahap kemahiran lisan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang mengikuti program bahasa secara tradisional. Begitu juga dengan kajian-kajian dari institusi-institusi pendidikan di negara Asia seperti Jepun dan Korea Selatan, yang telah mendokumentasikan hasil pembelajaran yang lebih baik apabila melaksanakan kaedah tandem dalam pendidikan (Tenemaza et al., 2021).

Pada tahun 2020 dan 2021, dunia dikejutkan dengan pandemik COVID-19. Sejak itu, program TAM telah muncul sebagai kaedah pembelajaran pilihan untuk institusi pendidikan di banyak negara di seluruh dunia. Pembelajaran dari rumah telah mendorong kepada pembelajaran tandem. Pada saat inilah, pembelajaran tandem mula menjadi kaedah pembelajaran yang popular di Malaysia sehinggakan murid-murid sekolah rendah telah mengamalkan kaedah pembelajaran dari rumah dan seterusnya menjadikan laman internet seperti Skype sebagai platform untuk bersemuka dengan murid dari pelbagai bangsa dan bahasa.

Bukti yang menyokong keberkesanan pembelajaran tandem bukan sekadar anekdot (Elo & Pörn, 2021). Kajian jangka panjang di pelbagai negara telah mendokumentasikan peningkatan dalam pengekalan kosa kata, peningkatan keyakinan bertutur, dan kemajuan yang lebih pantas dalam penguasaan bahasa berbanding kaedah pengajaran tradisional. Kejayaan yang konsisten ini merentasi pelbagai sistem pendidikan dan konteks budaya mengukuhkan kedudukan kaedah tandem sebagai salah satu pendekatan yang paling berkesan dalam pembelajaran bahasa kedua dalam pendidikan moden (Elo & Pörn, 2021).

Kejayaan yang konsisten ini mendorong pengkaji untuk melaksanakan TAM bahasa di SJKTR. Melalui platform TAM bahasa ini, murid-murid Tamil dari SJKT akan berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan sebaya daripada latar belakang yang berbeza, membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan bahasa dalam konteks yang autentik. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong pembelajaran bahasa secara tidak formal, tetapi juga memupuk pemahaman silang budaya dan membina jambatan antara komuniti yang berbeza.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan TAM bahasa dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dan kecekapan sosiobudaya murid-murid

sekolah Tamil di kawasan Rantau dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini juga akan meneliti cara interaksi digital Skype dapat membantu murid-murid mengatasi halangan bahasa dan budaya, serta meningkatkan keyakinan mereka dalam menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai situasi.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang pendidikan bahasa, terutamanya dalam konteks Malaysia yang unik.

### **1.1 Tandem Akademik Maya dalam Pembelajaran Bahasa**

Dalam landskap pembelajaran bahasa kontemporari, kemajuan teknologi telah memfasilitasi berkembangnya berbagai-bagai metodologi inovatif yang melampaui batasan fisik ruang kelas tradisional (Vassallo & Telles, 2021). Antara inovasi tersebut, e-tandem telah muncul sebagai pendekatan yang sangat menjanjikan yang menggabungkan prinsip pedagogi pembelajaran bahasa dengan kemudahan interaksi maya. E-tandem, juga dikenal sebagai pembelajaran bahasa tandem, mengacu pada kolaborasi antara dua individu daripada latar belakang linguistik berbeza yang berkomunikasi melalui media elektronik dengan tujuan mempelajari bahasa satu sama lain (Vassallo & Telles, 2021).

Sebagai bentuk pembelajaran bahasa yang berfokus pada kolaborasi dan resiprositas, e-tandem memiliki akar konseptual dalam teori pembelajaran konstruktivis dan sosiobudaya yang menekankan peranan interaksi sosial dalam akuisisi bahasa (Vygotsky, 1978). Pendekatan ini memanfaatkan teknologi komunikasi untuk memfasilitasi pertukaran linguistik yang saling menguntungkan kerana setiap peserta berperanan sebagai ahli dalam bahasa aslinya dan pembelajar dalam bahasa sasaran (Hasmidar 2023).

E-tandem, atau TAM, menawarkan peluang kepada pelajar bahasa untuk mempraktikkan kemahiran dengan penutur asli. Walaupun TAM ini kerap dijalankan

secara tidak formal, beberapa institusi sedang meneroka kegunaannya secara akademik, (Serrato & Rodriguez 2020)

Selain itu, murid yang menyertai e-tandem boleh memperkaya pengetahuan budaya mereka, faham kepelbagaian dan meningkatkan kesedaran antara budaya mereka (Mohamed et al., 2021). Mereka mendapat pandangan langsung tentang budaya sasaran dengan mempunyai keaslian perbualan dengan penutur asli serta amat menghargai pendedahan ini kepada budaya yang berbeza (Ma'amor et al., 2021).

Dengan demikian, pendekatan TAM yang menggabungkan elemen pembelajaran bahasa dengan interaksi sosial dalam persekitaran digital, diyakini dapat meningkatkan kemahiran bahasa, kemahiran komunikasi dan kecekapan sosiobudaya dalam kalangan murid-murid sekolah Tamil di kawasan Rantau, Negeri Sembilan.

### **1.1.1 Pendekatan Tandem Akademik Maya (TAM)**

Terdapat sejumlah besar strategi pembelajaran yang digunakan dalam pembelajaran bahasa kedua. Lazimnya, strategi-strategi pembelajaran ini mengutamakan pembangunan kemahiran tatabahasa, kefahaman bacaan, perbendaharaan kata, mengatasi ketakutan pelajar dan memotivasikan mereka untuk belajar, (Mohamed et al., 2021). Namun, menurut Mohamad et al., (2021), penggunaan TAM bahasa dianggap sebagai salah satu instrumen ataupun kaedah yang menggalakkan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua.

TAM merupakan pendekatan pembelajaran kolaboratif yang menghubungkan murid dari lokasi berbeza melalui platform digital seperti Skype untuk bertukar pengetahuan dan kemahiran. Konsep ini membolehkan murid dari sekolah atau lokasi yang berlainan berkomunikasi secara maya, berkongsi kepakaran dan bekerjasama dalam projek akademik tanpa halangan geografi. Melalui pertemuan berkala dalam

talian, peserta dapat mempraktikkan bahasa yang disasarkan, membincangkan topik yang berkaitan dalam bidang pengajian, dan mengembangkan perspektif antarabangsa tentang disiplin mereka. Pendekatan ini menggabungkan elemen pembelajaran formal dan tidak formal, serta murid boleh menjalankan perbincangan berstruktur berdasarkan kurikulum serta perbualan santai untuk memahami konteks budaya. Komunikasi berlaku melalui pelbagai saluran digital seperti perbualan video, forum dalam talian, atau aplikasi pemesejan, membolehkan fleksibiliti dalam masa dan kaedah interaksi. TAM juga menyokong pembangunan kemahiran digital dan komunikasi antara budaya, menjadikannya alat yang bernilai dalam persekitaran pendidikan global masa kini.

Dalam konteks kajian ini, pendekatan TAM melibatkan sekumpulan murid yang ingin meningkatkan atau menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, berkomunikasi secara maya menggunakan platform Skype dengan individu atau sekumpulan murid yang mahir dalam bahasa Melayu. Mereka bertukar-tukar pengetahuan dan perbendaharaan kata sesama mereka secara semula jadi.

### **1.1.2 TAM dan Kemahiran Komunikasi**

Komunikasi adalah tindakan menyampaikan maklumat dari satu tempat, individu, atau organisasi kepada orang lain, (Hasan, et al., 2022). Kemahiran komunikasi yang berkesan adalah penting untuk mengekalkan pertumbuhan dan perkembangan, dan sosialisasi masyarakat (Jassim dan Dzakiria 2020). Seseorang yang mempunyai kemahiran berkomunikasi, berupaya untuk berkongsi fikiran, idea dan pandangan dengan orang lain (Hasan, et al., 2022).

Dalam kalangan murid sekolah, kemahiran komunikasi ini merangkumi kebolehan murid untuk menyampaikan idea, pendapat, dan perasaan dengan tepat serta

memahami mesej yang disampaikan oleh penutur bahasa Melayu yang lain. Kemahiran ini bukan sekadar penguasaan aspek tatabahasa dan perbendaharaan kata, tetapi melibatkan kemahiran menggabungkan unsur-unsur linguistik, strategi komunikasi dan pemahaman konteks untuk mewujudkan interaksi yang bermakna dan berkesan.

Dalam pembelajaran bahasa, empat kemahiran yang terlibat adalah menulis, mendengar, membaca, dan bertutur. Bertutur adalah kemahiran yang paling penting, kerana ia bukan sahaja membolehkan komunikasi dan interaksi, tetapi ia juga merupakan kemahiran yang paling sukar, kerana ia memerlukan ketepatan, kelancaran, dan kesesuaian, (Aziza 2025). Dalam bahasa ibunda, kanak-kanak mendapat peluang yang sangat semula jadi untuk mendengar dan bercakap di persekitaran mereka sebelum mereka dihantar ke sekolah untuk mempelajari kemahiran membaca dan menulis. Namun dalam kes komunikasi di bilik darjah, persekitaran yang tersedia bagi pelajar bahasa kedua adalah berbeza persekitarannya. Oleh itu, strategi pengajaran pembelajaran haruslah sangat berbeza (Aziza, 2025). Sejalan dengan itu, kemahiran berkomunikasi harus meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan tahap penguasaan yang membolehkan murid-murid berinteraksi secara lancar dalam pelbagai situasi komunikasi, baik dalam konteks akademik mahupun sosial.

Melalui TAM bahasa, pengkaji mengenal pasti aktiviti pembelajaran kolaboratif dalam persekitaran digital dapat membantu murid-murid Tamil meningkatkan kemahiran komunikasi mereka dalam bahasa Melayu, seterusnya meningkatkan keyakinan mereka untuk menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian.

Murid-murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menghadapi cabaran utama untuk mengingat perkataan. Menurut Aziza (2025), murid sekolah rendah bukan sekadar memperoleh perbendaharaan kata dan peraturan tatabahasa bahasa kedua atau bahasa asing tetapi juga merupakan satu langkah penting dalam membangunkan kemahiran yang berkesan.

Selain itu, dalam pertuturan seharian, murid-murid mula memahami bahawa komunikasi dalam bahasa kedua adalah lebih daripada sekadar struktur ayat dan memahami sentak suara, gurau senda, dan senyuman yang menyelitkan maksud tersembunyi. Sebagai contoh, apabila rakan tandem Melayu menggunakan peribahasa "sekali air bah, sekali pantai berubah", murid Tamil sukar untuk memahami maksud peribahasa ini kerana maksud peribahasa ini menyampaikan lebih daripada sekadar perkataan tersurat; ianya mengandungi maksud tersirat yang tidak diketahui oleh murid.

Kajian ini juga mendapati bahawa pembelajaran bahasa kedua bermula dengan perbincangan ringan dalam kalangan rakan tandem tentang cara memulakan perbualan, cara membalas sapaan, dan cara untuk menunjukkan rasa hormat tanpa bersikap kaku. Apabila murid Tamil belajar bahawa "Abang" dan "Kak" bukan sekadar perkataan, justeru mereka mulai belajar dan faham bahawa sapaan ini adalah cara untuk menunjukkan rasa hormat antara satu sama lain.

Kekuatan sebenar datang apabila pelajar Tamil mula berfikir dalam bahasa Melayu, bukan sekadar menterjemah daripada bahasa Tamil. Pencapaian sebenar adalah apabila murid Tamil boleh ketawa dan berjenaka secara semula jadi, apabila jawapan mengalir tanpa perlu berfikir, (Bukhari et al., 2022).

Pada akhir program TAM bahasa ini pengkaji berpendapat, murid Tamil perlu menyedari bahawa setiap perbualan adalah peluang dan setiap kesilapan adalah